

JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1
Tarikh : 1 November 2023

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 22/2023

SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)
DAN PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GCR

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa keputusan Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2023 bertarikh pada 12 September 2023 telah meluluskan pemakaian penambahbaikan ceraian di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM), Persaraan dan Faedah Persaraan Versi 1.0 (2022) seperti berikut:

- i. Ceraian PP.1.3.1.: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR);
- ii. Ceraian PP.1.3.3.: Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 180 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan; dan
- iii. Ceraian PP.1.3.4.: Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.

3. Permohonan bagi pemberian Awal Award Wang Tunai GCR boleh dibuat melalui Gerbang Warga > Perkhidmatan > Award/GCR atau pautan <https://www.ukm.my/ecutiv2>. Untuk makluman, syarat-syarat pemberian awal award wang tunai GCR adalah seperti berikut:

- i. Tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 15 tahun pada tarikh permohonan;
- ii. Telah mencapai umur 45 tahun semasa permohonan dibuat;
- iii. Jumlah terkumpul GCR sekurang-kurangnya 90 hari;
- iv. Permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan;
- v. Bebas daripada prosiding jenayah atau tindakan tatatertib;
- vi. Terhad pada Gred 56 dan ke bawah;
- vii. Tujuan pengeluaran dihadkan kepada keperluan yang mendesak dan penting seperti tujuan rawatan perubatan, keperluan persekolahan/pengajian dan bagi menampung keperluan asas/seharian bagi kelangsungan hidup; dan
- viii. Mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan.

4. Pemakaian penambahbaikan ceraian ini juga dipanjangkan pelaksanaannya di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK), UKM. Bersama-sama ini, dilampirkan **infografik** dan **soalan lazim** untuk perhatian dan rujukan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Capaian ceraian ini juga boleh dibuat melalui <https://docs.ipa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/PP/pencen/>.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02548

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00248

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telpon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

5. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan peraturan ini, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi:

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
KAMPUS BANGI			
1.	Puan Fatimah Othman Ketua Penolong Pendaftar Kanan Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	uesp.bsm@ukm.edu.my / fatimahothman@ukm.edu.my	03-8911 8222
2.	Puan Ainur Amirah Rawl Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	ainur@ukm.edu.my	03-8911 8239
3.	Puan Siti Juhaidah Mohd Sharif Pembantu Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	juhaidahsharif@ukm.edu.my	03-8911 8254
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ			
1.	Puan Siti Najiehah Mohd Sukamo Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	sitinajiehah@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5148
2.	Puan Nur Aliqah Muhamad Tahar Penolong Pegawai Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Canselor Tuanku Muhriz	aliqahlahan@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 5157
HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM			
1.	Encik Mohd Ehsan Rajiain Penolong Pendaftar Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	ehsan.rajiain@ukm.edu.my	03-9174 8660
2.	Puan Nur Amalina Osman Pembantu Tadbir Unit Elaun, Saraan & Prestasi Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	nurarnalina@ukm.edu.my	03-9174 8667



CERTIFIED TO ISO 9001:2008

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005

CERT. NO. ITMS 06349

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telpon: +603-8921 4888 E-mel: pdtar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

Sekian, terima kasih.

"Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti"

Yang benar,

DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN HJ. SADAKKUTHULLA
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- Pengarah Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
Hospital Pakar Kanak-kanak UKM (HPKK)



CERTIFIED TO ISO 9001:2008

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telpon: +603-8931 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

**SOALAN LAZIM BERKAITAN PEMBERIAN AWAL
AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)
(Ceraian PP.1.3.4)**

1. Apakah Award Wang Tunai GCR?

Award wang tunai GCR adalah wang tunai yang diberi kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan.

2. Apakah yang dimaksudkan pemberian awal award wang tunai GCR?

Pemberian awal *award* wang tunai GCR adalah inisiatif yang membenarkan seseorang pegawai menukar jumlah GCR yang telah dikumpulkan kepada wang tunai semasa dalam perkhidmatan, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Bilakah kebenaran pemberian awal award wang tunai GCR ini mula dilaksanakan?

Pemberian awal *award* wang tunai GCR mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Namun pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM): Persaraan dan Faedah Persaraan Versi 1.0 (2022) termasuk pelaksanaan pemberian awal *award* wang tunai GCR 80 hari diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU), UKM Bil. 3/2022 pada 26 Mei 2022 untuk dilaksanakan di peringkat UKM. Manakala pindaan pemberian awal *award* wang tunai GCR sebanyak 90 hari pula telah diluluskan pemakaianya oleh LPU, UKM pada 12 September 2023.

4. Bagaimanakah pengiraan pemberian awal award wang tunai GCR ini dilaksanakan?

Pengiraan pemberian awal *award* wang tunai GCR menggunakan formula yang sama bagi pengiraan GCR apabila seseorang pegawai bersara. Pengiraan pemberian awal GCR akan mengguna pakai gaji hakiki bulanan yang diterima, termasuk apa-apa elaun dan imbuhan tetap yang ditentukan oleh Kerajaan yang boleh diambil kira bagi maksud pembayaran *award* wang tunai tetapi tidak termasuk elaun berpencen.

5. Apakah syarat-syarat pemberian awal award wang tunai GCR?

- (a) tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira hendaklah tidak kurang daripada 15 tahun;
- (b) telah mencapai umur 45 tahun;
- (c) jumlah GCR yang terkumpul sebelum penbusan hendaklah sekurang-kurangnya 90 hari;

- (d) pemberian awal *award* wang tunai GCR hanya boleh dibuat **sekali sahaja** sepanjang perkhidmatan;
- (e) bebas daripada sebarang prosiding jenayah atau tindakan tatatertib;
- (f) terhad pada Gred 56 dan ke bawah (kelulusan LPU, UKM bertarikh 12 September 2023);
- (g) tujuan pengeluaran dihadkan kepada keperluan yang mendesak dan penting seperti tujuan rawatan perubatan, keperluan persekolahan/pengajian, dan bagi menampung keperluan asas/seharian bagi kelangsungan hidup (kelulusan LPU, UKM bertarikh 12 September 2023); dan
- (h) mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan.

(Pemohon juga dicadangkan supaya membuat permohonan selepas berlaku Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pada tahun semasa).

6. Adakah saya dibenarkan membuat pemberian awal *award* wang tunai lebih/kurang daripada 90 hari?

Tidak dibenarkan. Jumlah GCR yang boleh diberi awal bagi tujuan *award* wang tunai GCR adalah 90 hari sahaja.

Contoh:

- (a) Pegawai telah mengumpul GCR sebanyak 95 hari dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk pemberian awal *award* wang tunai GCR. Pegawai hanya layak menebus sebanyak 90 hari sahaja; dan
- (b) pegawai telah mengumpul GCR sebanyak 80 hari. Oleh itu, pegawai tidak layak membuat permohonan pemberian awal *award* wang tunai GCR kerana tidak memenuhi syarat kelayakan seperti yang dinyatakan pada soalan no. 5.

7. Bolehkah permohonan pemberian awal *award* wang tunai GCR saya diluluskan lebih daripada sekali?

Tidak boleh. Kelulusan pemberian awal *award* wang tunai GCR hanya sekali sahaja sepanjang perkhidmatan.

8. Adakah saya akan dibayar jumlah GCR 180 hari apabila bersara, walaupun telah mendapat kelulusan pemberian awal *award* wang tunai GCR sebanyak 90 hari?

Tidak. Pembayaran GCR apabila bersara kelak adalah berdasarkan kepada **baki jumlah GCR yang telah dikumpulkan**, terhad kepada jumlah keseluruhan 180 hari sepermula yang dinyatakan dalam Ceraian PP.1.3.1.: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR).

Contoh:

Pegawai telah mengumpul cuti rehat sebanyak 95 hari dan telah diluluskan pemberian awal award wang tunai GCR sebanyak 90 hari. Pembayaran GCR kepada pegawai apabila bersara kelak terhad kepada maksimum 90 hari sahaja lagi semasa persaraan.

9. Bagaimakah cara untuk memohon pemberian awal award wang tunai GCR?

Di peringkat UKM, permohonan pemberian awal award wang tunai GCR boleh dibuat secara dalam talian melalui Gerbang Warga > Perkhidmatan > Award GCR atau pautan <https://www.ukm.my/ecutiv2>.

10. Adakah kemudahan pemberian awal award wang tunai GCR ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan?

Pelaksanaan pemberian awal award wang tunai GCR adalah tertakluk kepada penerimaan Ceraian PP.1.3.4 oleh pihak berkuasa masing-masing. Ketua Jabatan pihak berkuasa berkenaan yang menerima pakai Ceraian PP.1.3.4 hendaklah mempertimbangkan permohonan yang diterima dan membuat pembayaran pemberian awal award wang tunai GCR pegawai masing-masing.

11. Adakah lebihan GCR masih boleh ditukar kepada cuti rehat pada tahun persaraan?

Prinsip lebihan GCR yang dikumpulkan masih diguna pakai. Sila rujuk portal MyPPSM: Persaraan dan Faedah Persaraan, pada Ceraian PP.1.3.4.: Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat seperti di bawah:

- a. Lampiran PP.1.3.4 (A-1): Contoh 1: Kaedah Pengumpulan Dan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (**Jumlah keseluruhan GCR kurang daripada 180 Hari**);
- b. Lampiran PP.1.3.4 (A-2): Contoh 1: Kaedah Pengumpulan Dan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (**Jumlah keseluruhan GCR sebanyak 180 Hari**); dan
- c. Lampiran PP.1.3.4 (A-3): Contoh 1: Kaedah Pengumpulan Dan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (**Jumlah keseluruhan GCR melebihi 180 Hari**).

12. Adakah permohonan yang telah diluluskan boleh ditarik balik atau dibatalkan?

Boleh, sekiranya pembayaran masih belum dilaksanakan. Pembatalan/penarikan balik permohonan perlu dimaklumkan kepada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar/Jabatan Sumber Manusia, HCTM/HPKK dengan kadar segera.

13. Apakah peranan dan tanggungjawab Urus setia BSM, Jabatan Pendaftar, JSM, HCTM/HPKK dalam urusan pemberian awal award wang tunai GCR?

Urus setia hendaklah:

- (a) memastikan pengumpulan GCR yang dibuat sepanjang tempoh perkhidmatan adalah betul dan teratur sepertimana dikehendaki oleh ceraian yang sedang berkuatkuasa;
- (b) memastikan bukti pengumpulan GCR direkodkan dalam sistem e-Cuti sepanjang tahun perkhidmatan;
- (c) memastikan GCR yang dikumpulkan hendaklah sekurang-kurangnya 90 hari; dan
- (d) merekodkan kelulusan penebusan awal award wang tunai GCR dalam Buku Perkhidmatan Elektronik (e-BRP) pegawai.

14. Adakah kelulusan pemberian awal award wang tunai GCR akan terbatal sekiranya didapati pegawai tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan/dikenakan prosiding jenayah atau tindakan tatatertib?

Ya, sekiranya didapati pegawai tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan/dikenakan prosiding jenayah atau tindakan tatatertib selepas mendapat kelulusan.

15. Adakah pemberian awal award wang tunai GCR mendapat pengecualian cukai?

Ya, Kementerian Kewangan melalui surat rujukan MOF.TAX(S)700-1/3/14 JLD.3(SK.2)(10) bertarikh 13 September 2023 telah bersetuju meluluskan **pengecualian cukai pendapatan** ke atas pengeluaran awal pemberian award wang tunai GCR kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang layak.

16. Adakah pegawai yang membuat pengeluaran awal Award Wang Tunai GCR pada tahun 2022 boleh menuntut semula bayaran balik cukai?

Ya. Bagi pegawai yang telah membayar cukai pendapatan ke atas pengeluaran awal Award Wang Tunai GCR yang diterima pada tahun 2022, permohonan bayaran balik cukai boleh dibuat secara terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

17. Bagaimanakah kaedah untuk membuat tuntutan semula bayaran cukai bagi pengeluaran awal Award Wang Tunai GCR pada tahun 2022?

Tuntutan semula bayaran cukai ini boleh dibuat dibuat dengan dua (2) kaedah berikut:

- Mengemukakan permohonan dan dokumen yang diperlukan ke kaunter cawangan LHDN masing-masing.

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Penyata EC tahun 2022 yang boleh dicetak melalui Gerbang Warga > Perkhidmatan > Peribadi atau pautan <https://staf.ukm.my/peribadi/>;
- Resit-resit pelepasan pembayaran cukai bagi tahun 2022; dan
- Surat pengesahan bayaran awal award wang tunai GCR 80 hari yang boleh dimohon melalui e-emel ke alamat berikut:

BIL	JABATAN	EMAIL	NO TELEFON
1.	Unit Gaji, Bahagian Bayaran, Jabatan Bendahari, UKM	unitgaji@ukm.edu.my	03-8921 5028/ 4222/ 3475
2.	Unit Gaji, Bahagian Bayaran, Jabatan Kewangan HCTM	uge.jkew@ppukm.ukm.edu.my	03-9145 6495/ 6540/ 9295
3.	Bahagian Bayaran, Jabatan Kewangan HPKK	bayaranhpkk@ppukm.ukm.edu.my	03-9174 8638/ 8631/ 8624

- b. Mengemukakan permohonan kepada LHDN melalui Portal MyTax LHDN dengan memuatnaik dokumen yang diperlukan seperti (a) di atas pada pautan berikut: <https://mytax.hasil.gov.my>.

MyTax > Maklum Balas Pelanggan > Permohonan > Bayaran Balik Cukai > Seterusnya (isi maklumat yang diperlukan seperti paparan di bawah)

Paparan 1:

MAKLUMAT PENGIRIM

Kategori Pelanggan^{*}: Sebenar

Jenis Pengeluaran^{*}: Sila sahii

No Pengeluaran^{*}:

Nama Paham^{*}:

Warganegara^{*}: Warganegara Bukan Warganegara

E-mail^{*}:

Pengeluaran E-mail^{*}:

Ramalan Pengeluaran Cukai (RHC)

No Telefon^{*}:

Paparan 1

Paparan 2:

KATEGORI MAKLUMBALAS

Taraf^{*}: Permohonan

Sub Taraf^{*}: Permohonan Hantaran Cukai

KETERANGAN MAKLUM BALAS

Topik^{*}: PERMOHONAN PEMBAYARAN MAJU CUKAI BAGI PENCILUARAN AIRA GCR 800 HARI TAHUN 2020

Subjek^{*}: PENCELAUAN CUKAI PENCILUARAN KE AIRA PENCILUARAN AWAL WAKO TUNAI OCHAWAL BERTAHUN 2020

Bentuk^{*}: KESILUAN KE PADA SURAT ACEHINTERAH PEMERINTAH PEMERINTAH NEGERI TAHUN 2020 MULAI 22/04/2020 MERTAHUN 19 APRIL 2020 - 20 APRIL 2020 MULAI TAHUN 2020 MULAI 22/04/2020 MERTAHUN 19 APRIL 2020 - 20 APRIL 2020

Hasil Yang Dikehendaki

BERKEDAI BILIK CUKAI YANG DIKEHENDAKI KE ATAS PENCILUARAN GCR 800 HARI TAHUN 2020 BERTAHUN 2020

Paparan 2

18. Adakah pemberian awal award wang tunai GCR wajib dikenakan zakat?

Penerimaan awal ganjaran wang tunai GCR dikenakan zakat kerana ianya termasuk di dalam jenis-jenis harta pendapatan yang wajib dizakatkan iaitu sebanyak 2.5%. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada nisab. Sekiranya baki pendapatan (gaji + ganjaran wang tunai GCR) selepas tolakan had al-kifayah telah mencapai nisab yang ditetapkan maka wajib dizakatkan untuk pendapatan tersebut.

Cara kiraan:

$$\text{Gaji (Setahun)} + \text{Ganjaran GCR} - \text{Had al-Kifayah} \times 2.5\% = \text{Jumlah yang perlu dizakatkan}$$

Contoh: RM50,000.00 + RM8,000.00 - RM34,644.00 $\times 2.5\% = \text{RM}538.90$

(Gaji Setahun) (Ganjaran GCR) (Had al-Kifayah)

Sebarang pertanyaan berkaitan zakat boleh menghubungi Unit Zakat, Pusat Islam di talian 03-8921 5820/4225.

19. Adakah pegawai yang memilih Skim KWSP layak membuat penebusan awal award wang tunai GCR sekiranya syarat-syarat seperti yang ditetapkan telah dipenuhi?

Ya. Pegawai yang memilih Skim KWSP juga layak membuat penebusan awal award wang tunai GCR sekiranya syarat-syarat seperti yang ditetapkan telah dipenuhi.

20. Bagaimana pegawai hendak menyemak status bayaran selepas permohonan diluluskan?

Pegawai boleh menyemak status bayaran pemberian awal award wang tunai GCR di sistem e-Kewangan, UKM melalui pautan <https://ekewangan.ukm.my/>.

PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) SEBANYAK 90 HARI

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia:
Persaraan Dan Faedah Persaraan Ceraian PP.1.3.4:

Syarat Permohonan

- 
- Tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada **15 tahun** pada tarikh permohonan.
 - Telah mencapai **umur 45 tahun** semasa permohonan dibuat.
 - Jumlah terkumpul GCR sekurang-kurangnya **90 hari**.

Permohonan boleh dibuat **sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan**.

Bebas daripada prosiding jenayah atau tindakan tatatertib.

Terhad pada **Gred 56 dan ke bawah**.



Tujuan pengeluaran dihadkan kepada keperluan yang mendesak dan penting seperti **tujuan rawatan perubatan, keperluan persekolahan/pengajian, dan bagi menampung keperluan asas/seharian bagi kelangsungan hidup**.

- 
- Mendapat **perakuan daripada Ketua Jabatan**.

Pengiraan

$1/30 \times (\text{Gaji Pokok} + \text{Imbuhan Tetap Semasa}) \times 90 \text{ hari}$

*Pegawai dicadangkan untuk menunggu Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) sebelum membuat permohonan



PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Persaraan Dan Faedah
Persaraan, Ceraian PP.1.3.1:

● **180 HARI**

Had pengumpulan GCR maksimum
180 hari mulai 12 September 2023
(kelulusan Lembaga Pengarah Universiti)

● Had pengumpulan bagi sesuatu tahun ialah **maksimum 15 hari** atau **setengah daripada kadar cuti rehat** yang layak bagi tahun tersebut, mengikut mana yang kurang.

PENGIRAAN GCR

$1/30 \times (\text{Gaji Pokok} + \text{Imbuhan Tetap Semasa})$
x Jumlah bilangan cuti rehat yang terkumpul

KEBENARAN GANTIAN CUTI REHAT MELEBIHI 180 HARI DIGUNAKAN SEBAGAI CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Persaraan Dan Faedah
Persaraan, Ceraian PP.1.3.3:

GCR yang dikumpul melebihi **180 hari** boleh
digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

Tahun persaraan **dikira 12 bulan sebelum tarikh persaraan pegawai.**

180 HARI

12 BULAN

